

KENYATAAN AKHBAR

25 Mac 2019

Untuk Siaran Segera

BANK MUAMALAT MELANCARKAN Ez-ZAKAT MUAMALAT

Kuala Lumpur, Isnin 25 Mac: Bank Muamalat Malaysia Berhad melancarkan Ez-Zakat Muamalat iaitu kemudahan pengiraan dan potongan zakat secara automatik bagi akaun simpanan dan semasanya hari ini.

Pelancaran ini direalisasikan dengan majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan Pusat Pungutan Zakat MAIWP (PPZ-MAIWP). Bank Muamalat diwakili oleh En. Khairul bin Kamarudin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, manakala Pusat Pungutan Zakat-MAIWP diwakili oleh En. Mohamed Hassan, Pengurus Besar Kanan Operasi. Majlis tersebut disaksikan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Mufti Wilayah Persekutuan.

Ez-Zakat Muamalat merupakan fasiliti terbaru yang ditawarkan oleh Bank Muamalat. Ia akan mengira dan membuat potongan zakat ke atas akaun simpanan dan semasa pelanggan-pelanggannya yang beragama Islam. Bank Muamalat adalah bank pertama di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan seperti ini kepada pendepositnya. Fasiliti ini merupakan tambahan kepada servis pembayaran zakat oleh bank selain kaedah potongan gaji, bayaran di kaunter, dan perbankan internet. Pelancaran fasiliti ini akan menjadi penanda aras kepada Bank Muamalat dalam memberi perkhidmatan kewangan Islam. Di samping itu, Bank Muamalat mengorak langkah menerajui inovasi dalam pengurusan zakat di negara ini.

Perkhidmatan Ez-Zakat Muamalat ditawarkan di semua 64 cawangan Bank Muamalat seluruh negara. Kaedah kiraan dan potongan zakat yang akan digunakan adalah mengikut praktis PPZ-MAIWP. Dengan fasiliti ini, ia akan memudahkan pendeposit Bank Muamalat yang beragama Islam menunaikan kewajipan berzakat ke atas wang simpanan mereka. Potongan zakat akan dilakukan secara automatik apabila cukup haul dan nisab. Selain itu, potongan zakat yang dibuat melalui Ez-Zakat Muamalat melayakkan pendeposit mendapat pelepasan cukai pendapatan di bawah Seksyen 6A (3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

PPZ-MAIWP sedia bekerjasama dengan mana-mana institusi dalam usaha menggalakkan penyertaan orang ramai untuk berzakat. Peranan amil zakat kini semakin luas dan mencabar, justeru PPZ-MAIWP menyambut baik inisiatif yang dijalankan oleh Bank Muamalat. Fasiliti ini adalah satu cabang memperkasakan kutipan zakat di Malaysia yang menonjolkan imej korporat dan teknokrat yang professional.

Mufti Wilayah Persekutuan turut menyokong fasiliti ini dan berpendapat ia sebagai satu pencapaian yang lebih telus dan efisien dalam tadbir urus zakat di negara ini. Kelebihan Ez-Zakat Muamalat, pendeposit tidak perlu pergi ke pusat zakat untuk mengira dan membayar zakat mereka, malah, pendeposit akan berasa tenang kerana wang simpanan mereka akan dizakatkan terus oleh Bank Muamalat apabila cukup haul dan nisabnya. Kaedah potongan zakat secara automatik ini menzahirkan integriti dan khidmat pelanggan yang tinggi oleh pihak bank kepada pelanggannya dan juga kepada masyarakat.

Pusat Pungutan Zakat-MAIWP

Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) adalah sebuah agensi yang telah mendapat tauliah dari Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk mengutip zakat harta bagi pihak MAIWP di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, dan Labuan. Matlamat utama penubuhan PPZ-MAIWP adalah bagi tujuan meningkatkan kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat di Wilayah Persekutuan. PPZ-MAIWP berperanan untuk memastikan tahap kesedaran berzakat meningkat dikalangan masyarakat Islam khususnya di Wilayah Persekutuan. Antara jenis-jenis zakat harta yang dikutip oleh PPZ-MAIWP adalah zakat pendapatan, zakat perniagaan, zakat simpanan, zakat saham, zakat emas, zakat perak, zakat KWSP dan qadha zakat. Sehingga kini, PPZ-MAIWP mempunyai 10 buah kaunter cawangan di Wilayah Persekutuan iaitu 7 di Kuala Lumpur, 2 di Putrajaya dan 1 di Labuan. Untuk sebarang maklumat lanjut berkaitan zakat sila hubungi Pusat Panggilan PPZ-MAIWP di talian 1 300 88 5757 atau layari www.zakat.com.my

- Tamat -